

**KELAMBATAN DAN  
LANJUTAN MASA BAGI PROJEK KERAJAAN**

**NORUL HUDA BINTI HANAFI**

**Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL 2008**

## ABSTRAK

Di Malaysia, industri pembinaan merupakan satu sektor yang penting yang mana dapat memberikan gambaran tentang pembangunan negara. Projek-projek yang dijalankan kadangkala mengalami masalah kelambatan dalam penyiapan dan seterusnya diberikan tempoh Lanjutan Masa sebagaimana yang dilaporkan di akhbarakhbar tempatan. Isu dan permasalahan yang sering timbul adalah berkenaan dengan punca-punca kelambatan dan pemberian tempoh Lanjutan Masa kepada kontraktor. Oleh yang demikian, kajian penyelidikan ini dibuat bagi mengkaji dengan lebih lanjut berkenaan dengan Kelambatan dan Lanjutan Masa projek-projek pembinaan. Kajian ini memfokuskan kepada projek pembinaan sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia ke Lapan (RMK-8). Jadi, objektif kajian adalah bagi mengenalpasti punca, tempoh masa dan kekerapan berlakunya Kelambatan dan Lanjutan Masa bagi projek-projek tersebut. Setelah penyelidikan ini dijalankan, didapati bahawa terdapat empat punca utama yang menyebabkan berlakunya Kelambatan dan Lanjutan Masa. Empat punca tersebut ialah arahan Pegawai Penguasa berkenaan masalah yang timbul dengan pemilik kawasan berhampiran (Fasal 43 (c)), arahan Pegawai Penguasa berkenaan dengan kerja-kerja pembinaan (Fasal 43 (e)), ketiadaan keperluan-keperluan pembinaan (Fasal 43 (j)), dan kelewatan kerja-kerja subkontraktor dan pembekal dinamakan (Fasal 43 (k)). Pemberian tempoh Lanjutan Masa pula adalah berbeza di antara setiap projek yang dijalankan. Secara keseluruhannya, tempoh Lanjutan Masa merupakan suatu yang rasional dan patut diberikan kepada kontraktor bagi melepaskan mereka daripada dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD). Hal ini berikutan kelewatan yang berlaku adalah bukan disebabkan oleh tindakan kontraktor. Tempoh masa tersebut pula bukanlah satu tempoh yang telah dikhususkan atau ditetapkan pada tempoh-tempoh tertentu.

## **ABSTRACT**

In Malaysia, construction industry is an important sector in the country's development. Sometimes, the construction project is delayed and given an Extension of Time as reported in newspapers. Hence, the issues and problems are about the reasons of delays and the period of Extension of Time given to the contractors. So, this study is done to know in detail about the Delays and Extension of Time in construction project. It focused to the primary schools which are the projects of "Rancangan Malaysia ke Lapan (RMK-8)". The objectives of the study are to identify the reasons and period of Extension of Time. From the study, there are 4 reasons of Extension of Time given to the contractors. They are reasons of directions given by the S.O, consequential upon disputes with neighbouring owners (Clause 43 (c)), reason of S.O.'s instructions regarding the construction's project (Clause 43 (e)), insufficient of goods and materials (Clause 43 (j)), and the delays on the part of Nominated Sub-contractors or Nominated Suppliers (Clause 43 (k)). The period of Extension of Time given is different between the projects. In conclusion, the Extension of Time is rational and must be given to the contractors to avoid them from discharged by Liquidated and Ascertain Damages (LAD). This is because the delayed occurred is not caused by the contractor. The period of Extension of Time is not fixed to certain period.